

250 penternak bakal kerugian lebih RM100,000

TUMPAT 10 Sept. - Kira-kira 250 penternak ikan di sekitar lagun Pantai Sri Tujuh, dekat sini bakal menanggung kerugian lebih RM100,000 apabila ribuan ikan ternakan mereka mati sejak kelmarin.

Mereka mendakwa, kejadian tersebut berlaku saban tahun akibat fenomena kekurangan oksigen selepas muara sungai tertutup dan sehingga kini, pihak berkuasa masih gagal mencari jalan penyelesaian kepada masalah itu.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Tumpat, **Abdulah Omar** mendakwa, keadaan muara yang tertutup menyebabkan tiada aliran keluar masuk air ke kawasan lagun itu.

"Ikan yang ditenak iaitu siakap, hidup dalam air payau, campuran air masin dan air tawar. Apabila muara tertutup, tiada aliran keluar masuk air, jadi oksigen tidak cukup," katanya

kepada pemberita di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Abdullah berkata, beliau kesal kerana keluhan para penternak di kawasan itu tidak mendapat perhatian sewajarnya daripada pihak berkuasa.

Menurutnya, bagi mengatasi masalah itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri perlu segera membina pemecah ombak supaya muara tidak tertutup.

"Kejadian ini berlaku sudah lama. Setiap tahun pasti berlaku namun sejak kebelakangan ini semakin kerap iaitu sehingga empat atau lima kali dalam setahun," katanya.

Seorang penternak, **Abdul Rahman Hamid**, 45, berkata, dia mula menyedari ikan siakap ternakannya mati pagi kelmarin.

Katanya, jika fenomena kekurangan oksigen berterusan, dia yang memiliki 100 sangkar bakal berdepan kerugian sehingga RM40,000.

"Hampir semua ikan dalam sangkar milik saya timbul di permukaan dan mati. Saya terpaksa menggunakan pam untuk membekalkan oksigen ke dalam air.

"Langkah ini tidak begitu membantu namun sekurangnya dapat mengelakkan lebih banyak ikan ternakan mati," katanya.

Seorang lagi penternak, **Muzaizyng Mohamad**, 54, pula berkata, dia hanya sempat menjual sejumlah kecil ikan ternakannya dengan harga murah iaitu sekitar RM5 sekilogram berbanding harga asal RM16 sekilogram bagi ikan segar.

SEORANG penternak ikan siakap dalam sangkar, Mohd. Jali Ismail menunjukkan ikan siakapnya yang mati di Lagun Pantai Sri Tujuh Tumpat semalam. - UTUSAN/ROSNI MASRI

